

Kesedaran dapat gred kurang baik jadi pendorong kejayaan

Daripada malas dan suka ponteng, kini pelajar ketiga terbaik program di SIM-UOL

Oleh **NURUL 'AIN RAZALI**
nrzali@sph.com.sg

MESKIPUN kerja sekolah semakin bertimbun, Encik Mohamed Khairi Zailan tidak menghiraukannya langsung.

Malah, beliau pun pernah ponteng sekolah tanpa rasa bersalah walau sekelumit pun.

Namun, setelah menerima keputusan GCE peringkat 'A' pada 2007, Encik Khairi tercengang-cengang.

Serta-merta impiannya memasuki universiti setempat hancur kerana beliau meraih gred yang kurang memuaskan – gred 'C' bagi Biologi, Kimia dan Bahasa Inggeris, selain gred 'E' bagi Ekonomi.

“Saya rasa kehilangan, seakan-akan saya sudah gagal dalam hidup. Sewaktu Perkhidmatan Negara, saya nampak ada rakan-rakan yang tidak dapat mencari kerja kerana tidak mempunyai kelayakan secukupnya.

“Inilah titik tolak perubahan dalam diri saya. Saya nak berjaya dalam hidup dan menjadi kebanggaan keluarga,” ujar lulusan Maktab Rendah Yishun (YJC) itu.

Namun, disebabkan semangat kentalnya, Encik Khairi, 25 tahun, berjaya merubah nasibnya.



UBAH DEMI KEBAIKAN: Encik Khairi enggan menghancurkan hati ibunya, Cik Salomah, dan berusaha membanggakannya pula dan berjaya mendapatkan ijazah kepujian kelas pertama di kampus Clementi SIM kelmarin.
– Foto **TUKIMAN WARJI**

Beliau kini pemegang ijazah sarjana muda sains bidang ekonomi dan pengurusan dengan kepujian kelas pertama Universiti London (UOL), yang diadakan di Institut Pengurusan Singapura (SIM).

Bahkan, beliau pelajar ketiga terbaik kohort siswazah program ijazahnya dari 2010 hingga 2012, lalu berjaya merangkul Pingat Gangsa SIM.

Tahun ini, lebih 2,300 siswazah daripada 12 program ijazah sarjana muda menerima ijazah mereka di kampus Clementi Road itu baru-baru ini.

Daripada jumlah tersebut, 104 siswazah memiliki kepujian kelas pertama.

Dua daripada 104 siswazah berkepujian kelas pertama itu ialah anak Melayu/Islam – Encik Khairi dan Encik Redhuwan Norazmi (*lihat laporan di bawah*).

Perjalanan anak bongsu dalam keluarga dua beradik itu di SIM-UOL pun bukanlah tanpa likulikunya.

Menurut Encik Khairi, beliau terpaksa mengimbangi tuntutan pelajaran dengan kerja sambilan

membimbing pelajar selama lapan jam setiap minggu.

Encik Khairi pun pernah bekerja sambil menjual buku dan menjadi pembantu penjualan.

“Buat masa terdekat ini, saya ingin menumpukan perhatian pada kerja saya sebagai pelatih bahagian pengurusan SIM.

“Jika diberi peluang mengambil ijazah kedoktoran dan menjadi seorang pensyarah, saya juga mahu menyumbang semula kepada masyarakat dan membantu pelajar lain mencapai cita-cita mereka,” ujar Encik Khairi.